



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

CABUTAN PEMENANG “JOM BAYAR & MENANG JOMPAY PTPK” BAGI SIRI 1 DAN SIRI 2

PUTRAJAYA, 10 JULAI 2023 - Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran telah mengadakan cabutan pemenang “**JOM BAYAR & MENANG JomPAY PTPK**” bagi siri 1 dan siri 2 pada 10 Julai 2023 di Kementerian Sumber Manusia. Cabutan pemenang Jompay ini telah dibuat oleh Yang Berhormat Tuan V. Sivakumar, Menteri Sumber Manusia, bersama Yang Berhormat Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Sumber Manusia serta Ketua Eksekutif PTPK, En Mohd Fathullah Mustafa.

Seramai 16 orang pemenang yang bertuah telah berjaya pada siri 1 dan siri 2. Untuk siri 1, seramai 828 peserta dari akaun peminjam telah menyertai cabutan tersebut dengan jumlah keseluruhan pembayaran sebanyak RM553,391.89 manakala bagi siri 2 pula, seramai 1,997 peserta dari akaun peminjam juga telah menyertai cabutan ini dan jumlah pembayaran keseluruhan adalah sebanyak RM891,628.54.

Kempen ini menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM20,000. Promosi cabutan bertuah bayaran balik pinjaman melalui saluran JomPAY Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dengan kerjasama Commerce International Merchant Bankers (CIMB).

Promosi cabutan bertuah “**JOM BAYAR & MENANG JomPAY PTPK**” merupakan satu inisiatif PTPK dalam menghargai peminjam-peminjam PTPK yang berjaya membuat bayaran balik pinjaman PTPK melalui saluran JomPAY sepanjang tempoh promosi iaitu bagi mana-mana peminjam yang membuat bayaran minimum RM200.00 bagi satu transaksi, secara automatik akan layak untuk satu penyertaan cabutan bertuah bagi merebut hadiah-hadiah lumayan. Kempen promosi Jom Bayar dan Menang Jompay PTPK bagi kesemua siri bermula pada **19 Jun 2023** dan tamat pada **16 Julai 2023**.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA